

06 FEBRUARI 2018

Sindiket dadah RM2.05j tumpas

SINAR HARIAN • SELASA 6 FEBRUARI 2018

HUBUNAI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-6680275, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019 - 6680261

Sindiket dadah RM2.05j tumpas

Polis lumpuhkan kegiatan seludup syabu ke Indonesia

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KLANG - Polis melumpuhkan sindiket menyeludup dadah syabu ke Indonesia dengan penahanan empat lelaki termasuk dalangnya dalam serbuan di sekitar Pulau Indah di sini, kelmarin.

Serbuan di tiga lokasi ini dijalankan kira-kira jam 10.45 malam oleh sepasukan polis Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik serta Pasukan Khas Taktikal dan Risikan Narkotik (Sting).

Timbalan Pengarah (risikan dan operasi) Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Kang Shez Chiang berkata, polis telah merampas 27 ketulan dipercayai dadah jenis syabu seberat 29.35 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM2.05 juta, sebuah kereta Perodua Viva dan wang tunai 2 juta Rupiah (kira-kira RM579).

Menurutnya, pemeriksaan mendapati dua daripada suspek adalah warga Indonesia, manakala dua lagi adalah tempatan yang kesemua berusia 27 hingga 44 tahun.

"Serbuan pertama membawa penahanan suspek warga tempatan dengan rampasan dadah yang disembunyikan di dalam tong dan disimpan di dalam sebuah teks.

"Hasil serbuan itu telah membawa kepada penahanan seorang warga Indonesia berusia 44 tahun



Kang (dua, kanan) menunjukkan dadah yang dirampas.

yang merupakan dalang sindiket di kawasan Persiaran Masjid Sultan dan dua lagi anggota sindiket itu ditahan di sebuah stesen minyak juga di Pulau Indah, katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan, semalam.

Turut hadir Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Shamsul Amar Ramli.

Kang berkata penahanan itu adalah hasil perkongsian maklumat risikan antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Badan Narkotika Nasional, Republik Indonesia.

"Kami percaya dadah ini akan diseludup ke Aceh, Indonesia me-

lalui jalan air, pengangkutan ke sana disediakan oleh dalang berkenaan dan warga tempatan yang ditahan dipercayai hanya bekerja sebagai 'runner' sindiket sahaja," katanya.

Tambah Kang, polis percaya dadah berkenaan dibawa masuk ke dalam negara dari negara jiran sebelum hantar ke Indonesia di mana harganya dijual tiga kali ganda lebih tinggi dari harga harga pasaran di Malaysia.

"Ini merupakan sindiket menyeludup dadah ke Indonesia yang ketiga ditumpaskan polis pada tahun ini, pertama di Kuala Lumpur dan kedua di Pulau Pinang," katanya.